



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

UCAPAN

**Yang Berhormat Dato' Sri Rohani Abdul Karim
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

**Program Gema Kasih Sukarelawan *Home Help*
Kuala Selangor**

Pada 22 Jun 2017 (Khamis)

**Bertempat Di
Kolah Kebangsaan Datuk Maharajalela, Jeram, Kuala Selangor
Selangor Darul Ehsan.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله

g dihormati pengacara majlis

Dato' Sri Dr. Irmohizam bin Ibrahim
Parlimen Kuala Selangor

g Berusaha Dato' Ishak bin Harun
ia Bahagian UMNO Kuala Selangor

g Berusaha Encik Zulkifli bin Ismail
jalan Ketua Pengarah
itan Kebajikan Masyarakat

impin-pemimpin Setempat,

Petugas dan Sukarelawan Program *Home Help*, dan

gas-petugas Media

rusnya tuan-puan yang dihormati sekalian

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana de
berkat izin-Nya kita dapat bersama-sama berada di dalam maj
semoga majlis ini mendapat kerahmatan dan keberkatan dar
Allah SWT.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan
terima kasih di atas kesudian menjemput saya ke majlis pada h:

Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Masyarakat (KPWKM) khasnya dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) amnya, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada YB Dato Sri Dr. Irmohizam bin Ibrahim dan seluruh sukarelawan Kuala Selangor yang telah menggembeng tenaga menjayakan program ini. Saya percaya, tanpa usaha, komitmen, pengorbanan masa dan tenaga yang penuh dedikasi ini, program ini tidak mungkin diadakan. Semoga usaha murni ini diteruskan lagi untuk meningkatkan kualiti penyaluran perkhidmatan yang disalurkan oleh KPWKM kepada seluruh anggota masyarakat dan kumpulan sukarelawan Kementerian. Ini memandangkan senario sekarang ini yang menantang kita berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam merealisasikan program transformasi kerajaan yang telah ditetapkan.

Ucapan terima kasih juga kepada seluruh petugas dan sukarelawan Program *Home Help* kerana menyertai program ini dan berikhtisar untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan Program *Home Help* kepada golongan sasaran iaitu Warga Emas dan Orang Kurang Upaya. Sesungguhnya usaha murni tuan-puan ini amat kami hargai. Bersamalah kita berdoa agar usaha kita ini menjadi sebuah amal yang berfaedah daripada amalan baik kita yang layak mendapat ganjaran dari Maha Pencipta.

Dengan penglibatan sukarelawan dalam pelbagai aktiviti, projek atau inisiatif yang disebutkan tadi, umumnya seseorang Sukarelawan Kebajikan itu berperanan sebagai:

- a) Agen perubahan dengan berkongsi pengalaman, kebolehan masa dan tenaga dengan kumpulan sasar dalam menangani atau memperbaiki keadaan bagi kepentingan bersama, khususnya berkaitan dengan usaha menanganai masalah sosial;
- b) Perantara bagi menyampaikan maklumat antara pihak-pihak dengan masyarakat serta membantu tugas-tugas berkaitan bencana dan
- c) Penggerak bagi mempercepatkan sesuatu proses ke arah pembangunan masyarakat dan komuniti.

Sehingga Mac 2017, bagi negeri Selangor seramai **399** Sukarelawan JKM yang berdaftar dan bagi Parlimen Kuala Selangor terdapat seramai **50** orang Sukarelawan JKM yang telah berda

Berbalik kita kepada Program *Home Help* yang dikendalikan sukarela oleh sukarelawan, di mana program ini merupakan adaptasi inovasi sosial dalam meningkatkan kesejahteraan golongan warga emas dan OKU yang *vulnerable* dan *marginal* merupakan satu pendekatan baru kerajaan yang paling efektif relevan dalam mendekati dan menghayati denyut nadi masyarakat memandangkan program ini menawarkan perkhidmatan sokongan sosial kepada kumpulan sasaran yang sangat memerlukan.

Program ini adalah berbentuk Pendampingan Sosial (*outreach*) yang mana sukarelawan dipadankan dengan mengikut latar belakang sosial seperti agama, etnik, bahasa dan budaya. Pendekatan ini digunakan untuk memastikan perhubungan nilai (*shared value*) antara sukarelawan dan klien dapat diwujudkan yang dihormati sekalian,

9

Program *Home Help* merupakan satu inisiatif untuk menyediakan perkhidmatan sokongan sosial di rumah kepada warga emas dan OKU yang tinggal bersendirian atau dengan keluarga melalui lawatan mingguan oleh sukarelawan. Sukarelawan yang dikenal

sebagai Petugas *Home Help* ini bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan sokongan sosial kepada klien seperti menyediakan

membersihkan tempat tinggal, membasuh pakaian dan aktiviti bersesuaian.

Program *Home Help* juga merupakan usaha tanpa henti ker untuk menerapkan semangat kesukarelaan bagi melat masyarakat penyayang (*Caring Society*). Program ini juga be membina jati diri positif serta menerapkan nilai-nilai mu kalangan Petugas *Home Help* yang memberi perkhidmatan mengharapkan ganjaran.

Program ini juga merupakan satu idea kreatif kerajaan dalam u menggerakkan semangat kesukarelaan di kalangan komuniti menjadi ikhtiar yang paling berkesan untuk menyemarakkan bi penyayang di kalangan masyarakat selaras dengan mat Wawasan 2020. Menerus¹¹ pendekatan ini, ianya mengurangkan kemasukan warga emas dan OKU ke ins institusi kebajikan kerajaan, swasta dan NGO sekaligus menyoc usaha JKM dalam menjayakan program *Deinstitutionalisation* (

Berdasarkan kepada jumlah klien yang telah men

dikendalikan oleh seramai 2,279 orang petugas atau sukarela. Perkhidmatan ini telah berjaya merentasi dan bertapak di 222 kawasan Parlimen di Malaysia dan mendapat maklum balas | *stake holder*.

Bagi negeri Selangor bilangan klien yang menerima perkhidmatan melalui Program *Home Help* adalah seramai 524 orang klien terdiri daripada 404 Warga Emas dan 120 OKU yang dikendalikan

oleh seramai 154 orang sukarelawan. Kawasan Parlimen Selangor pula melibatkan seramai 108 orang klien yang daripada 87 orang Warga Emas dan 21 orang OKU dikendalikan oleh seramai 28 orang sukarelawan. Jumlah ini melepasi KPI yang ditetapkan iaitu seramai 10 sukarelawan dan 13 klien. Tahniah saya ucapkan kepada pihak YB Dato' Sri dan segenap jentera sukarelawannya. Saya amat yakin dan percaya dengan terlaksananya program pada hari ini, bilangan klien yang mendapat manfaat melalui program ini akan terus meningkat di kawasan Parlimen Kuala Selangor.

Hasil daripada soal selidik bagi mengukur tahap kepuasan kum sasar yang dilaksanakan oleh JKM pada Januari 2015 menunj 82 peratus (82%) daripada 1500 responden berpuas hati de Program *Home Help* dan mencadangkan agar prograr diteruskan. Terima kasih kepada tuan-puan dan seluruh pe serta sukarelawan Program *Home Help* kerana telah menyal perkhidmatan yang terbaik kepada klien Jabatan.

Program *Home Help* telah berjaya mencapai beberapa pengikt semenjak ia diperkenalkan. Antara pencapaian dan pengikt yang diperoleh ialah seperti:

- i. Tersenarai Sebagai Inisiatif NBOS;
- ii. Diiktiraf Sebagai Program Inovasi Sosial Kemen 15 Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- iii. Program Teras Dalam Kembara Kebajikan 1Ma *Family Care*;
- iv. Menerima Kepercayaan Untuk Menjadi Rakan Stra dan
- v. Dicalonkan sebagai projek bagi Pertandingan Anu

Bagi mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi merakamkan setinggi ucapan terima kasih kepada pihak penganjur di atas kes menjemput saya untuk hadir ke majlis yang sangat bermakna. Tahniah kepada hadirin dan semua pihak yang telah sama-menjayakan program ini dan terutama sekali kepada tuan-puan telah menjayakan Program *Home Help*.

Saya juga berharap melalui program ini akan dapat meningkatkan lagi kerjasama di antara agensi kerajaan dengan sukarelawan seterusnya dapat membantu melancarkan usaha-usaha kerja dalam perancangan program-program ke arah kesejahteraan masyarakat. Saya percaya melalui program ini mutu penyampaian perkhidmatan Program *Home Help* ini akan ditingkatkan dan diyakini kejayaan program ini kepada seluruh masyarakat terutamanya kepada kumpulan sasar Jabatan. Semoga usaha ini diberkati oleh Allah SWT. Insya-Allah.

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada kali ini, saya mengemukakan kesempatan untuk mengucapkan Salam Aidilfitri, Maaf Zahi Batin. Dalam kita menyambut hari kemenangan ini, janganlah lupakan golongan yang kurang berkemampuan dan memerlukan

Akhirkata, dengan **Lafaz BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM,**
dengan sukacitanya saya merasmikan PROGRAM GEMA K
SUKARELAWAN *HOME HELP* PARLIMEN KUALA SELANG

WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHHI WABARAKAT
dan salam sejahtera.